

Pemuda Gerakan Terima Pelawaan Umno ke Perjumpaan Hudud

Bernama

5 Mei, 2014

ALOR SETAR, 5 Mei (Bernama) -- Pemuda Parti Gerakan menerima pelawaan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin ke perjumpaan tertutup dengan rakan pemuda daripada parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) bagi mendengar penjelasan berhubung hudud.

Ketuanya Tan Keng Liang berkata di perjumpaan itu Pemuda Gerakan juga akan menjelaskan kepada Pemuda Umno penentangan pelaksanaan hukum hudud di Malaysia.

"Kita bersedia mendengar apa yang ingin disampaikan oleh Pemuda Umno tapi pada masa yang sama, kita juga berharap agar mereka sedia mendengar pandangan yang dilontarkan oleh Pemuda Gerakan dan kita hormati apa juga keputusan selepas itu.

"Kami ingin menegaskan di sini bahawa Gerakan hanya menolak hukum hudud yang dicadangkan oleh PAS dan bukannya bermaksud menolak agama Islam.

"Kami faham bahawa hudud merupakan sebahagian daripada ajaran agama Islam, tetapi kami hanya ingin menyuarakan pandangan kami," katanya pada sidang media di pejabat Gerakan Kedah di sini.

Sementara itu, Tan berkata Pemuda Gerakan akan mengambil tindakan undang-undang sekiranya PAS ingin meneruskan hasrat membentangkan di Parlimen usul Rang Undang-Undang Persendirian untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan.

"...mereka tidak pernah mendengar apa yang kita sampaikan dan sekarang hanya Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP yang boleh berbincang dan menghalang PAS daripada melaksanakan hukum hudud di Kelantan.

"Sekiranya PKR dan DAP gagal menyakinkan PAS, kami akan ambil tindakan undang-undang bagi mempertahankan dan melindungi Perlembagaan Persekutuan yang tidak pernah memperuntukkan apa-apa dalam melaksanakan hukum hudud," katanya.

Katanya, Gerakan sedang membentuk jawatankuasa pasukan peguam yang boleh

membincangkan tentang hukum hudud dan akan cuba sedaya upaya mempertahankan sistem perundangan negara sedia ada.

Dalam perkembangan lain, Tan berkata Presiden Gerakan Datuk Mah Siew Keong merupakan calon paling sesuai untuk bertanding mewakili BN pada Pilihan Raya Kecil (PRK) kerusi Parlimen Teluk Intan kerana rekod prestasinya yang baik dalam memberi sumbangan dan menabur khidmat kepada komuniti di kawasan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1035920>